

Headline	Bekalan elektrik 30 kilang plastik haram bakal dipotong		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	56
ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>	Journalist	Norzamira Che
PR Value	RM 26,825		



# Bekalan elektrik 30 kilang plastik haram bakal dipotong

➔ MPK sudah hantar senarai nama, alamat kepada ST

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

► Klang

**M**ajlis Perbandaran Klang (MPK) sudah menghantar senarai nama dan alamat 30 kilang plastik haram di daerah itu kepada Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk tujuan pemotongan bekalan elektrik ke premis terbabit.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin berkata, senarai nama itu dibuat selepas pihaknya menjalankan pemeriksaan terhadap kilang berkenaan.

Katanya, MPK memerlukan kelulusan daripada ST untuk memotong bekalan elektrik agar kilang haram berkenaan tidak boleh meneruskan operasi masing-masing.

"Dalam operasi sebelum ini, kami bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menjalankan operasi bersama tetapi tidak dapat melakukan pemotongan bekalan elektrik kerana belum mendapat kelulusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Mesra Aidilfitri MPK, di Taman Pengkalan Batu, di sini, semalam.

Mohd Yasid berkata, kilang berkenaan adalah yang beroperasi di Telok Gong, Pulau Indah serta Taman Industri Sobena Jaya.

## Kilang masih beroperasi

Katanya, kebanyakan kilang haram yang disita masih meneruskan operasi secara senyap pada waktu malam kerana bekalan elektrik tidak dipotong.

"Saya rasa bekalan elektrik yang tidak dipotong adalah punca utama kilang ini sukar ditutup kerana jika tiada elektrik, mereka tidak boleh beroperasi."

"Mereka degil, tidak takut walaupun sudah disita atau dikenakan kompaun kerana mereka tahu kuasa kita sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) terhad, malah kalau ingin membawa kes ke mahkamah

juga bukan perkara yang mudah.

"Pemotongan bekalan elektrik dilihat sebagai cara yang boleh mengekang operasi kilang haram ini," katanya.

Sementara itu, seramai 5,000 tetamu termasuk EXCO kerajaan negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ahli majlis dan orang awam menghadiri majlis mesra Aidilfitri MPK itu yang diadakan di Taman Pengkalan Batu iaitu taman rekreasi di tepi Sungai Klang.

Sebanyak 100 orang yang terdiri daripada fakir miskin serta Orang Kelainan Upaya (OKU) menerima sumbangan duit raya yang disampaikan oleh ADUN Selat Klang merangkap EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari.